

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

HST 328 – Kertas Khas Dalam Sejarah Asia Tenggara

Masa: 3 jam

Sila pastikan kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. “Kemerdekaan Indonesia yang diisytiharkan pada 17 Ogos 1945 dapat dilaksanakan oleh kerana Jepun mengamalkan sikap berkecuali terhadap kegiatan politik para nasionalis Indonesia setelah tentera Jepun meyerah kalah.” (Amir Sjarifuddin – ahli PKI). Bincangkan kenyataan ini.
2. “Campurtangan Amerika Syarikat dalam hal ehwal negara Filipina sejak kemerdekaan diisytiharkan pada 1946 telah menentukan bahawa negara Filipina akan kekal sebagai neo-koloni Amerika Syarikat buat selama-lamanya.” (Jose Maria Sison – pemimpin Komunis.) Bincangkan.
3. Bincangkan bagaimana tindakan Tentera Nasional Indonesia (TNI) untuk menumpas beberapa pemberontakan di Indonesia telah memperkukuh kedudukan TNI dalam politik negara Indonesia pada tahun 1950an dan 1960an.
4. “Satu kelemahan sistem politik negara Filipina ialah ideologi politik tidak penting. Yang dipentingkan ialah pemimpin-pemimpin tertentu sahaja.” (Ferdinand Marcos – Presiden Filipina.) Nilai petikan ini secara kritis.
5. “Saudara-saudari, janganlah kamu lupa bahawa Negara Malaysia telah membantu dan menyokong para pemberontak PRRI-Permesta pada 1958 untuk meruntuhkan Republik Indonesia dan oleh sebab itulah negara neokolim Malaysia mesti diganyang.” (Presiden Sukarno) Selain daripada sebab ini apakah faktor-faktor lain yang membawa kepada Konfrantasi Indonesia terhadap Malaysia antara 1963 – 1965?
6. “Kami tidak boleh dianggap sebagai bangsa Filipina, kami sebenarnya ialah bangsa Moro yang inginkan kebebasan daripada penjajahan negara Filipina.” (Komander Robot – Abu Sayaf) Beri sebab-sebab kenapa pribumi Filipina yang beragama Islam berjuang untuk mencapai kemerdekaan bagi tanah Moro pada tahun 1970an.
7. “Kuasa Rakyat (Peoples’ Power) tidak ada makna kerana rakyat dihasut untuk melakukan rusuhan oleh kelompok-kelompok tertentu dengan tujuan meruntuhkan seorang Presiden yang pro-rakyat kerana dasar beliau mengancam kedudukan beberapa kelompok tertentu.” (Joseph Estrada – bekas Presiden Filipina.) Dengan merujuk kepada petikan ini sejauh manakah anda bersetuju bahawa keruntuhan Presiden Ferdinand Marcos disebabkan oleh beberapa kelompok yang bertindak untuk menjaga kepentingan mereka?

8. “Kemunculan Jeneral Suharto membuktikan dengan jelas bahawa Indonesia boleh mencapai kemajuan ekonomi hanya selepas diperintah oleh sebuah rejim kuku besi.” (Lee Kuan Yew – P.M. Singapura.) Dengan merujuk kepada kenyataan ini bincangkan peranan Presiden Suharto dalam memulihkan ekonomi Republik Indonesia selepas era Sukarno.

- ooo 0 ooo -